

Apa yang akan berlaku selepas pembedahan

- ◆ Pesakit dihantar ke Unit Kawalan Rapi (ICU) untuk perawatan dan penjagaan rapi oleh doktor bius dan jururawat. Pesakit akan kembali ke wad biasa selepas keadaan pesakit stabil.
- ◆ Ubat tahan sakit diberi untuk mengawal kesakitan selepas pembedahan
- ◆ Pesakit dibenarkan minum atau makan selepas keadaan pesakit dinilai (*assessment*) dan dilihat oleh doktor bedah
- ◆ Ubat antibiotik mungkin diberi atau diteruskan jika terdapat unsur-unsur jangkitan
- ◆ Tiub kencing akan berada di saluran kencing buat sementara
- ◆ Tiub atau "drain" dalam badan diletak di kawasan pembedahan hati
- ◆ Luka biasanya diperiksa 3 hari selepas tarikh pembedahan. Pembukaan jahitan mungkin diperlukan (terpulang kepada jenis jahitan yang digunakan oleh pakar bedah)
- ◆ Selepas dibenarkan pulang, pesakit akan dilihat semula di klinik pembedahan untuk rawatan susulan

Berapa lama saya perlu berada di hospital dan bila saya boleh pulang ke kerja atau kembali ke aktiviti sediakala?

- ◆ Pesakit yang menjalani pembedahan hati perlu tinggal di hospital sekurang-kurangnya 1 hingga 2 minggu untuk pemerhatian
- ◆ Cuti sakit akan diberi kepada pesakit yang memerlukannya
- ◆ Pesakit yang aktif dalam aktiviti senaman, digalakkan kembali bersenam secara aktif dua atau tiga bulan selepas pembedahan

Lain-Lain Perkara Berbangkit

- ◆ Pesakit boleh merujuk kembali kepada pakar bedah mereka sekiranya terdapat sebarang persoalan yang berbangkit atau pertanyaan. Anda boleh berhubung dengan :
 1. Dr. Yoong Boon Koon
 2. Dr. Koh Peng Soon
 3. Dr. Koong Jun Kit
- ◆ Unit Pembedahan *Hepato-Pankreato-Biliari (HPB)*, PPUM sentiasa bersedia menolong dan menghulurkan bantuan kepada pesakit bila-bila masa
- ◆ Klinik Pembedahan HPB diadakan setiap hari Isnin mulai jam 2 petang di

Tingkat 1
Klinik Pembedahan, Menara Utama
Pusat Perubatan Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur
Tel : 03-79494422


Disediakan Oleh

Hepato-Pancreato-Biliary (HPB), Jabatan Surgeri
Tel : 79492639 / 4606

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi

Perkembangan Kejururawatan, Tingkat 8, Menara Utama
Pusat Perubatan Universiti Malaya, 59100 Kuala Lumpur
Tel : 03-79492376/ 2931/ 2798/ 2412

Hak milik Pusat Perubatan Universiti Malaya 2012



PEMBEDAHAN HATI

"HEPATECTOMY OR LIVER RESECTION"

Patient Information

Fungsi Hati

- ◆ Hati merupakan organ yang terbesar di dalam badan
- ◆ Fungsi hati termasuk metabolisme dan kawalan gula, menyahtoksikan ubat atau dadah, menghasilkan jus hempedu untuk penghadaman lemak, mensintesis protein –protein, melawan jangkitan kuman dan pencemaran darah dan menghasilkan faktor-faktor pembekuan darah.
- ◆ Apabila hati menghadapi penyakit dan bermasalah, fungsi-fungsi ini akan terjejas secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya.

Penyakit-Penyakit hati yang memerlukan pembedahan

- ◆ Pembedahan hati kerap dilakukan untuk kes-kes ketumbuhan barah. Kes bukan barah juga boleh menjalani pembedahan hati
- ◆ Kanser hati atau “*hepatocellular carcinoma*” - barah ini berasal daripada hati dan berkait rapat dengan “*cirrhosis*” hati yang biasanya berpunca daripada jangkitan *Hepatitis B* dan *C* atau *alcohol*.
- ◆ “*Liver Metastases*” iaitu kanser yang berasal dari bahagian organ lain yang telah merebak ke hati. Biasanya kanser tersebut berasal dari usus, kanser payudara, buah pinggang dan sebagainya. Pembedahan yang boleh dilakukan bergantung kepada saiz dan jumlah ketumbuhan yang merebak ke hati.
- ◆ Pembedahan hati juga boleh ditawarkan untuk kes-kes ketumbuhan bukan barah seperti “*haemangioma*”, “*liver cyst*”, *focal nodular hyperplasia (FNH)*” dan sebagainya.
- ◆ Walaupun pembedahan hati boleh ditawarkan, rawatan-rawatan alternatif lain perlu dibincangkan supaya rawatan yang paling optimum dapat diberi kepada pesakit.

Tujuan Pembedahan Hati

- ◆ Objektif utama dalam pembedahan hati terutamanya untuk kes-kes barah adalah memberi peluang kepada pesakit untuk pulih sepenuhnya daripada kanser hati.
- ◆ Mencegah kanser daripada merebak ke organ yang lain
- ◆ Memberi peluang pemulihan daripada gejala (*symptom*) yang dihadapi oleh pesakit.

Perkara-Perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum pembedahan hati

- ◆ Pesakit perlu difahamkan bahawa pembedahan hati adalah sejenis pembedahan besar atau “*major*” dimana risiko maut semasa dan selepas pembedahan dijangka sekitar 5% dan komplikasi yang mungkin berlaku dijangka lebih kurang 30%
- ◆ Pesakit perlu dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) selepas pembedahan. Jika tiada kekosongan katil di Unit Rawatan Rapi(ICU), pembedahan akan ditunda ke tarikh yang terdekat.
- ◆ Jumlah organ hati yang sihat perlu mencukupi untuk pembedahan dilakukan
- ◆ Kesihatan pesakit dalam keadaan optimum dan tidak lemah.
- ◆ “*Bowel preparation*” - Anda mungkin diberi ubat yang boleh mengakibatkan cirit-birit untuk membersihkan usus kecil dan besar sebelum hari pembedahan
- ◆ Penyakit lain seperti darah tinggi, kencing manis dan sebagainya perlu dikawal dengan baik sebelum pembedahan
- ◆ Pesakit yang merokok perlu berhenti merokok beberapa minggu sebelum pembedahan.
- ◆ Pesakit yang mengambil ubat pencair darah perlu berhenti mengambilnya beberapa hari sebelum pembedahan dijalankan

Ujian-Ujian yang perlu sebelum pembedahan

- ◆ Ujian darah (contoh *status Hepatitis B/C*, “*tumour markers*” dan lain-lain)
- ◆ Siasatan radiologi seperti “*CT Scan*”: atau “*MRI*”. “*PET*” scan jika perlu
- ◆ “*Indocyanine Green (ICG)*” - (tiada ujian ini di PPUM buat masa ini)
- ◆ “*Electrocardiogram (ECG)*” dan “*Echocardiogram*” - rujukan ke Unit Kardiologi mungkin diperlukan untuk kes-kes tertentu
- ◆ “*Lung Function Test*” - untuk memeriksa keadaan paru-paru
- ◆ Rujukan awal kepada doktor bius mungkin diperlukan untuk kes-kes tertentu

Cara-cara pembedahan hati

- ◆ Pembedahan hati boleh dilakukan secara “*open*” atau “*Laparoscopic*”
- ◆ Pembedahan “*Laparoscopic*” memberi manfaat kepada pesakit dalam pemulihan awal dan kesakitan yang kurang dibandingkan dengan cara biasa. Walaubagaimanapun pembedahan “*Laparoscopic*” hanya boleh dilakukan untuk kes-kes tertentu. Ia terpulang kepada keadaan hati dan lokasi ketumbuhan.
- ◆ Cara “*Open Hepatectomy*” adalah kaedah pembedahan hati yang biasa dijalankan
- ◆ Pundi hempedu biasanya dibedah dan dikeluarkan semasa pembedahan hati dilakukan.

Komplikasi atau risiko yang mungkin berlaku semasa dan selepas pembedahan

- ◆ Pesakit perlu memahami komplikasi atau risiko boleh berlaku dalam semua jenis pembedahan lebih-lebih lagi pembedahan besar seperti pembedahan hati
- ◆ Komplikasi dari segi pembiusan (akan dibincang dengan terperinci oleh doktor bius dengan pesakit)
- ◆ Komplikasi atau risiko yang mungkin berlaku dalam pembedahan hati termasuk:
 - “*Acute liver failure*” di mana fungsi hati terjejas selepas pembedahan
 - Kecederaan kepada salur hempedu
 - Kebocoran salur hempedu menyebabkan takungan hempedu atau “*biloma*”. Mungkin memerlukan prosedur tambahan untuk mengatasinya.
 - Kecederaan kepada organ-organ yang berdekatan seperti perut, kelenjar adrenal, “*diaphragm*” dan usus
- ◆ Komplikasi atau risiko **AM** yang mungkin berlaku adalah seperti alahan kepada ubat bius atau antibiotik atau ubat kontras; pendarahan di tempat pembedahan atau luka, jangkitan kuman di luka, paru-paru, kencing atau saluran I/V, pembekuan darah di kaki atau “*Deep Vein Thrombosis*”, kesakitan kronik di luka atau kawasan pembedahan, serangan sakit jantung atau “*stroke*” kemungkinan berlakunya “*adhesion*” atau “*hernia*” pada masa hadapan dan sebagainya